

Stok pasport sedia ada mencukupi untuk tempoh 6 bulan

Oleh Safeek Affendy Razali dan Awatif Hasani - April 1, 2022 @ 7:13pm
bhnews@bh.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi jaminan bahawa stok pasport bagi tujuan permohonan baharu atau memperbaharui dokumen terbabit mencukupi.

Selepas dua tahun pintu sempadan antarabangsa bagi tujuan melancong ditutup susulan pandemik COVID-19, kerajaan menjangkakan jumlah permohonan baharu atau memperbaharui pasport akan bertambah selepas pintu sempadan antarabangsa dibuka bermula hari ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, rakyat Malaysia yang ingin memohon pasport baharu atau memperbaharui dokumen itu tidak perlu risau memandangkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mempunyai jumlah mencukupi bagi tempoh enam bulan dari sekarang.

"Pada masa ini ada 330,000 pasport dalam simpanan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, manakala 600,000 stok buku pasport lagi ada disimpan di stor pengilang di Datasonic Technologies Sdn Bhd.

"Jumlah stok ini akan ditambah dari semasa ke semasa bagi menampung permohonan pasport baharu yang diunjurkan melebihi dua juta setahun, mengambil kira pengeluaran sebelum pandemik berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melawat kilang Datasonic Technologies, di sini, hari ini.

Mengulas lawatan itu, Hamzah berkata beliau berpuas hati dengan tahap ciri keselamatan pada cetakan buku pasport yang dikeluarkan.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita harus berbangga dengan ciri keselamatan yang dikeluarkan kerana ia boleh menyukarkan mana-mana penjenayah untuk membuat sebarang peniruan.

"Boleh saya katakan 70 peratus ciri cetakan dalam pasport direka dalam negara sendiri," katanya.



Hamzah (kanan) mencuba Mesin Pengeluaran Pasport Automatik ketika lawatannya ke Datasonic Technologies Sdn Bhd di Petaling Jaya. Turut sama Naib Presiden Eksekutif Datasonic Group, Hashim Abu (kiri) dan Pengarah Urusan Datasonic Group, Wan Zalizan Wan Jusoh (dua dari kiri). - FOTO NSTP/ FARIZ ISWADI ISMAIL